

13/02/2004

Institut Pemikiran Mahathir perlu kaji lahirkan saintis

Mohd Fuad Razali

BANGI: Institut Pemikiran Mahathir di Universiti Utara Malaysia (UUM) disaran menjadikan kajian bagi melahir pelajar yang menguasai matematik, sains dan bahasa Inggeris, sebagai agenda utama penyelidikannya.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, ketika membuat saranan itu, berkata kajian itu perlu dijalankan segera bagi menterjemahkan pemikiran Dr Mahathir dalam menangani pelbagai permasalahan pendidikan negara, terutama untuk melahirkan golongan saintis dan profesional dalam bidang kritikal.

"Kajian itu mesti bersifat praktikal... ia sepatutnya boleh mengemukakan cadangan kepada kerajaan mengenai satu rangka tindakan bagi mencapai sasaran yang dikenal pasti dalam jangka waktu yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Siri Simposium Berkala Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad anjuran Institut Pemikiran Mahathir dengan kerjasama Biro Tata Negara di sini, semalam.

Institut Pemikiran Mahathir ditubuhkan kerajaan pada 19 Ogos 2003 dan ditempatkan di UUM bagi mengumpul, membuat kajian, menyebarkan dan memanfaatkan pemikiran yang dicetuskan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Pada siri pertama simposium itu, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd Noor dan Tan Sri Abdul Rahman Arshad, dijemput menyampaikan ucapan mengenai pemikiran Dr Mahathir dalam pendidikan. Hadir sama Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri; Ketua Pengarah Biro Tata Negara, Datuk Dr Nordin Kardi dan Pengarah Institut Pemikiran Mahathir, Prof Datuk Dr Amir Awang.

Sementara itu, Dr Ahmad Fawzi berkata, UUM belum menerima geran sebanyak RM1.5 juta yang dimohon daripada kerajaan bagi menggerakkan institut berkenaan.

Beliau berkata peruntukan besar perlu membolehkan institut itu beroperasi serta menjadi institusi yang produktif dan dinamik.

"Jika kita mendapat peruntukan besar, lebih banyak program boleh dilakukan kerana kita tidak mahu penubuhan institut ini menjadi 'hangat-hangat tahi ayam' dan berkubur seperti Institut Pemikiran Gandhi di India kerana masalah kewangan.

"Bagaimanapun, kita tidak bercadang untuk bergantung kepada peruntukan kerajaan selama-lamanya, sebaliknya kita berharap dengan peruntukan yang diberikan kita boleh menjalankan kegiatan dan kemudian menjana sumber kewangan sendiri," katanya.

Setakat ini, kata beliau, institut itu menjalankan kegiatannya dengan menggunakan wang UUM sebanyak RM500,000.

Dr Ahmad Fawzi berkata, institut itu merancang mengendalikan simposium berkenaan empat kali setahun dengan penekanan dalam bidang pendidikan, keselamatan, ekonomi dan sosial.

"Kita juga merancang mengadakan siri Syarahan Perdana bagi menjemput tokoh yang pernah berkhidmat bawah Dr Mahathir bagi membicarakan pemikiran bekas Perdana Menteri itu.

"Kita juga akan memperkenalkan program akademik peringkat sarjana dan doktor falsafah bagi menjalankan kajian mengenai Dr Mahathir.

"Ketika ini seorang pensyarah UUM sudah mendaftar untuk menjalankan kajian peringkat doktor falsafah mengenai dasar luar negara Dr Mahathir dan tiga pelajar peringkat sarjana dijangka mendaftar Jun ini," katanya.